

Penjaja warga asing di kaki lima Pasar Borong KL diserbu

Kuala Lumpur: Tindakan penjaja warga asing menjadikan kaki lima lorong berhampiran Pasar Borong Kuala Lumpur, di sini, membawa padah apabila diserbu Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), semalam.

Serbuan dilakukan jam 11 pagi dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selepas melakukan pemantauan.

Pengarah JIM Kuala Lumpur, Wan Mohammed Saupee Wan Yusoff berkata, pihaknya menahan

enam pendatang asing tanpa izin (Pati) berusia 21 hingga 50 tahun selepas memeriksa 50 individu di kawasan berkenaan.

Menurutnya, semua yang ditahan adalah lelaki yang terdiri daripada lima warga Bangladesh dan seorang warga Myanmar.

“Antara kesalahan dilakukan termasuk tinggal lebih masa dan tiada dokumen pengenalan atau passport.

“Selain itu, pihak DBKL membuat sitaan barangan

perniagaan warga asing termasuk dua lori digunakan mereka,” katanya dalam kenyataan, di sini.

Wan Mohammed Saupee berkata, ketika serbuan dilakukan ada segelintir warga asing terbabit cuba melarikan diri.

“Tindakan itu sia-sia kerana lorong di belakang kedai sudah dikepung dan mereka tidak boleh meloloskan diri. Operasi dilakukan mengejut selepas kawasan ini viral di media sosial,” katanya.



PENGUAT kuasa JIM dan DBKL memeriksa 50 individu di lorong berhampiran Pasar Borong Kuala Lumpur.